NO SOALAN :131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 26.05.2016**

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan cadangan Kerajaan untuk memastikan hutang isi rumah tidak meningkat ke tahap RM1 trillion, sekarang ini dah RM9 bilion dan apakah cadangan Kerajaan untuk mempertingkatkan reserve emas kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkenaan dengan hutang isi rumah, kedudukan jumlah yang terkini adalah pada akhir Mac 2016, iaitu sebanyak RM1,042 bilion. Meskipun jumlahnya mencecah RM1 trillion, namun begitu, dari segi nisbah peratusan kepada KDNK, parasnya telah berkurang kepada 89% berbanding 89.1% pada akhir 2015.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebilangan besar jumlah hutang isi rumah tersebut iaitu 62.6% adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah dan pelaburan dalam aset kewangan. Nilai aset ini pula adalah dua kali lebih tinggi daripada jumlah hutang isi rumah berkenaan. Pinjaman bagi pembelian harta tanah pula secara lazimnya mempunyai tempoh matang yang panjang melebihi 20 tahun.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Pihak Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan pelbagai langkah progresif terutamanya bagi membendung kenaikan hutang isi rumah sejak tahun 2010. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan amalan pengurusan kredit yang berhemat, menggalakkan tingkah laku individu dan institusi yang bertanggungjawab dalam amalan pemberian kredit serta menggalakkan pasaran harta tanah yang lebih mampan dengan membendung tingkah laku spekulatif.

4. Kesemua langkah ini telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi. Justeru, sebahagian besar pinjaman yang dibuat oleh isi rumah adalah lebih tertumpu kepada pengumpulan aset. Ekoran pelaksanaan

pelbagai langkah awalan mengawal hutang isi rumah yang diambil sejak tahun 2010, kadar pertumbuhan hutang isi rumah menurun kepada 6.5% pada akhir Mac 2016 (2015: 7.3%; 2010: 14.2%).

5. Di samping itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan di kalangan masyarakat juga dilaksanakan. Ini termasuk:

i. Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya golongan belia dan mereka yang baru bekerja. Sejak pelancarannya pada 2010 sehingga Mac 2016, lebih daripada 204,000 pengguna telah menghadiri program POWER!.

ii. Progam AKPK dalam membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan dan hutang mereka dengan memberi nasihat dan khidmat menyusun semula hutang. Setakat Mac 2016, lebih 148,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang yang dikendalikan oleh AKPK.

Kesemua langkah yang telah diperkenalkan bagi mengawal perkembangan hutang isi rumah dibuat secara beransur-ansur bagi mengelakkan gangguan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi domestik.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Berkenaan dengan nilai rizab emas negara pula, jumlah terkini adalah sebanyak RM5.62 bilion pada 31 Disember 2015. Rizab emas ini merupakan sebahagian dari aktiviti pelaburan rizab antarabangsa (RM398.18 billion pada 31 Disember 2015) yang dijalankan oleh BNM berdasarkan strategi pelaburan dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah BNM. Melalui strategi tersebut, jumlah nilai rizab emas negara telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM0.85 billion pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan ini turut didorong oleh peningkatan harga emas dalam nilaian ringgit. Dalam pada itu, kuantiti pegangan rizab emas pula hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 80,000 aun kepada 1.23 juta aun pada 2015. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap tahun BNM melaporkan semua aktiviti pengurusan operasi yang telah dilaksanakan di dalam penyata kewangan tahunan BNM termasuklah hal-hal pengurusan rizab emas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]**
TARIKH	:	**26 MEI 2016 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**132**

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional bagi tindakan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang menaikkan yuran penerbangan tempatan kepada syarikat penerbangan sehingga mencecah hampir 10 kali ganda.

317

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju supaya kenaikan kadar fi dan caj di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 yang berkuatkuasa mulai 15 April 2016 dilaksanakan bermula dengan kenaikan satu kali ganda sahaja dan bukan 10 kali ganda seperti mana yang diperkatakan sebelum ini. Peningkatan seterusnya akan hanya dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh antara 3 hingga 5 tahun.

Penyemakan semula kadar fi dan dan caj adalah penting untuk Kerajaan memperoleh semula pulangan ke atas kos bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada penerbangan awam. Kenaikan tersebut akan membolehkan Kerajaan untuk terus mempertingkatkan kecekapan dan menambahbaik infrastruktur perkhidmatan navigasi udara dari semasa ke semasa.